

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi menangani masalah penggunaan vape dan shisha stick dalam kalangan pelajar sekolah yang semakin berleluasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius dan mengambil langkah proaktif dalam menangani isu merokok termasuk penggunaan rokok elektrik atau *vape* dalam kalangan murid sekolah. Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan Surat Siaran KPM Bilangan 17 Tahun 2015 bertarikh 1 Disember 2015: Larangan Penggunaan Rokok Elektrik atau *Vape* di Sekolah. KPM telah memaklumkan larangan penggunaannya sama ada membawa, menghisap, mengedar, menjual, memiliki, menyimpan, mempamerkan, menyiarkan, menyebarkan atau mengiklankan rokok eletronik atau *vape* termasuk cecair (*liquid*) dan alatan yang berkaitan dengannya.

KPM berperanan dan berfokus kepada Program Pendidikan Pencegahan di semua sekolah sama ada berbentuk ceramah, karnival, pertandingan, pameran serta peningkatan jati diri secara intrapersonal dan interpersonal. Di samping itu, program intervensi turut dilaksanakan bagi menangani isu tersebut dalam kalangan murid. KPM juga telah

menyediakan modul sebagai rujukan kepada guru-guru bimbingan dan kaunseling di sekolah bagi mengendalikan murid yang ketagihan merokok seperti berikut:

1. Garis Panduan Pengendalian Murid Sekolah Yang Merokok hasil kerjasama KPM dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); dan
2. Modul Kaunseling Berfokus Program Nafas Segar bagi Pendidikan Pencegahan Rokok.

Selain itu, KPM turut menerapkan tentang bahaya gejala rokok dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah iaitu melalui program peningkatan jati diri dan sahsiah untuk murid-murid dalam Pasukan Badan Beruniform (PBB). KPM turut bekerjasama dengan agensi kerajaan dan juga agensi bukan kerajaan bagi memberi ruang dan peluang kepada murid untuk menyertai pelbagai aktiviti sama ada di peringkat negeri dan kebangsaan.

Di samping itu juga, setiap murid digalakkan untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sukan yang dianjurkan di sekolah selaras dengan Dasar 1Murid 1Sukan. Penglibatan murid secara aktif dalam aktiviti sukan dapat membendung daripada melakukan kegiatan yang tidak berfaedah, mengamalkan gaya hidup sihat dan bebas rokok. Walau bagaimanapun kerjasama semua pihak termasuk sekolah, ibu bapa dan komuniti adalah amat diperlukan bagi memastikan murid-murid tidak terlibat dengan penularan gejala rokok.

Sekian, terima kasih.